



18 JUL, 2025

Sindiket pasang 3 lapisan pintu besi, main bunyi burung



Harian Metro, Malaysia

Sindiket pasang 3 lapisan pintu besi, main bunyi burung

Alor Setar: Pasang tiga lapisan pintu besi dan main bunyi burung untuk tutup bunyi mesin. Itu antara taktik licik digunakan sindiket perlombongan bitcoin haram bagi mengaburi kegiatan mereka di bandar raya ini.

Helah terbabit terbongkar selepas pihak berkuasa menjalankan serbuan serentak ke atas tujuh premis sekitar Alor Setar dalam operasi khas bersama Suruhanjaya Tenaga, Tengara Nasional Berhad (TNB) dan polis semalam.

Timbalan Menteri Per-alihan Tenaga dan Trans-formasi Air, Akmal Nas-rullah Mohd Nasir berkata, sindiket kini semakin kreatif dan berani dalam menyembunyikan kegiatan mereka malah tidak lagi gentar walaupun premis sudah banyak kali diserbu.

“Di salah satu premis, kita terpaksa memanggil bomba untuk pecah masuk kerana mereka memasang tiga pintu besi dengan begitu kukuh.

“Mereka juga menarik kabel dari pelbagai arah, ada dari sebelah kiri tangga, ada dari sebelah kanan bagi mengelirukan pen-nguat kuasa,” katanya ketika ditemui selepas menyertai operasi berkenaan.

Akmal berkata, kegiatan haram itu bukan sahaja melanggar undang-undang tetapi juga amat berbahaya kerana membabitkan pengubahan sistem elektrik secara tidak sah.

“Kita dapati mereka menukar fusi dan meningkatkan kapasiti bekalan elektrik daripada 200 ampere kepada 400 ampere sesuatu yang sangat mer-

bahaya.

“Ini boleh mengakibatkan kebakaran atau kerrosakan sistem elektrik dan sudah tentu memberi risiko besar kepada penduduk berhampiran,” katanya.

Beliau berkata, di premis pertama pihak berkuasa menemui 80 mesin perlombongan bitcoin bero-perasi secara serentak menggunakan tenaga tinggi.

“Setiap mesin ini meng-gunakan kuasa seperti sa-tu penghawa dingin 2.5hp (kuasa kuda). Jadi bayang-kan jika 80 mesin bero-perasi serentak tanpa henti.

“Kos elektrik dicuri bagi premis ini sahaja dia ngarkan mencecah RM86,000 sebulan,” ka-tanya. Beliau berka-ta, kerugian bagi ketujuh premis dalam ser-buan operasi hari ini adalah dianggarkan RM273,679 sebulan.

“Kita akan teruskan ope-rasi seperti ini dari semasa ke semasa kerana pence-gahan hanya berkesan dengan tindakan berterusan dan kerjasama semua pi-hak.

“Fokus kita ialah hen-tikan kecurian tenaga dan pastikan keselamatan sis-tem bekalan untuk semua pengguna,” tegasnya.

Beliau turut menasihati pemilik premis agar lebih bertanggungjawab dan memastikan penyewa tidak menyalahgunakan bekalan elektrik secara haram.

“Gunakan prosedur change of tenancy (pertu-karan hak sewa) di TNB supaya tanggungjawab penggunaan elektrik dise-rahkan kepada penyewa yang sah,” katanya.

“Ini boleh mengakibatkan kebakaran atau kerrosakan sistem elektrik
Akmal